

05/05/2003

KDEB tawar kepakaran kepada Libya

KUMPULAN Darul Ehsan Bhd (KDEB), anak syarikat kerajaan Selangor berminat menawarkan kepakaran kepada syarikat swasta dari Libya yang berminat melabur di negara ini, khususnya di Selangor.

Perkara itu dinyatakan Presiden KDEB, Datuk Zabir Bajuri, selepas menerima kunjungan hormat delegasi Jawatankuasa Am Rakyat (GPC) Shabiyat Betnan, sebuah negeri di Libya.

Delegasi berkenaan yang mengunjungi Zabir di Shah Alam, baru-baru ini adalah dalam rangka lawatan enam hari ke Selangor diketuai Habib Mohamed Rejad.

Zabir berkata, melalui pertemuan itu, Libya menunjukkan minat terhadap pengurusan KDEB serta aktiviti anak syarikat yang meliputi pelbagai bidang iaitu pelaburan, teknologi maklumat, hartanah, rekreasi dan pelancongan serta infrastruktur.

Sehubungan itu, katanya, KDEB akan mengadakan perbincangan susulan dengan wakil Libya mengenai peluang pelaburan yang dapat ditawarkan kepada syarikat swasta di negara itu.

"Perbincangan juga akan diadakan berhubung aspek bentuk perkongsian yang boleh diwujudkan antara Selangor dan Shabiyat Betnan.

"Kita berminat menjalin perkongsian dalam pelbagai bidang terutama menawarkan kepakaran dalam aktiviti hartanah, teknologi maklumat dan sekolah bestari," katanya.

Zabir berkata, beliau dimaklumkan delegasi berkenaan bahawa lawatan mereka ke Malaysia adalah selepas menerima jemputan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ia berikutan usaha kerajaan mempromosikan negara ini sebagai lokasi terbaik untuk pelabur dan mereka yang mahu menimba pengalaman serta pengetahuan dalam bidang ekonomi.

"Kita juga berbangga kerana Wisma Putra memilih Selangor sebagai destinasi lawatan mereka kerana kejayaan kepesatan pembangunannya," katanya.

Dalam kunjungan ke KDEB itu, delegasi berkenaan antara lain diberikan taklimat oleh pegawai mengenai aktiviti KDEB dan anak syarikatnya.